

**APRESIASI BORIA DALAM ANIMASI UPIN & IPIN:
EPISOD BORIA SUKA-SUKA
BORIA APPRECIATION IN UPIN & IPIN ANIMATION:
SUKA-SUKA BORIA EPISODES**

**Noor Rafizal bin Paharul Rozi¹
Azrul Azizi Amirrul²**

*Pusat Pengajian Seni, Universiti Sains Malaysia
rizalrafizal94@gmail.com, azrulazizi@usm.my*

Tarikh diterima: 14 April 2020 / Tarikh dihantar: 28 Mei 2020

ABSTRAK

Kajian ini membincangkan apresiasi boria menerusi animasi Upin & Ipin dalam episod Boria Suka-Suka. Objektif kajian ini adalah mengenal pasti tayangan Upin & Ipin episod Boria Suka-Suka sebagai tarikan minat kepada penonton untuk mengenali boria. Seterusnya, kajian ini membincangkan elemen boria dalam memberi pengetahuan kepada penonton yang menonton persembahannya. Kajian dijalankan secara kualitatif menggunakan analisis kandungan sebagai instrumen utama kajian. Hal ini bertujuan untuk mengenal pasti kekuatan dan kelebihan siri animasi Upin & Ipin yang mampu menarik minat penonton terhadap teater tradisional boria yang berasal dari Pulau Pinang. Data diambil daripada tayangan video di Youtube dan Facebook melalui komen-komen secara rawak. Animasi ini dianalisis dengan menggunakan pendekatan teori AIDDA membentuk akronim *Attention* (perhatian), *Interest* (minat), *Desire* (hasrat/keinginan), *Decision* (keputusan) dan *Action* (tindakan). Dapatan kajian ini menunjukkan perkaitan antara satu sama lain bagi membentuk minat dalam episod Boria Suka-Suka. Beberapa kekurangan persembahan boria dalam animasi ini dibincangkan untuk penambahbaikan terhadap elemen-elemen boria. Kajian ini diharapkan dapat menjadi titik awal kepada pembentukan minat dan rujukan apresiasi boria melalui animasi agar struktur boria terus terpelihara.

Kata kunci: Upin & Ipin, tarikan, Youtube, Facebook, elemen boria.

ABSTRACT

The present study investigates the appreciation of the boria through an episode of the animation Upin & Ipin's "Boria Suka-Suka." The objective of this study is to identify Upin & Ipin's episode of "Boria Suka-Suka" as a medium of attraction for the viewers to get to know boria. The elements of the boria have also been discussed in informing the audience by watching the performance. This study has taken the

form of a qualitative study by the use of content analysis as the main instrument of the analysis. This is done to identify the strength and the advantages of the animation Upin & Ipin that had successfully attracted the viewers' interest towards the traditional theatre, boria, that originates from Pulau Pinang. The data had been taken from the video clips of the episode from Youtube and Facebook through the random selection of the comments. This animation had been analysed by using the AIDDA theory which stands for the elements of Attention, Interest, Desire, Decision and Action. The findings of the study show that the link between the AIDDA elements in establishing interest in the episode of "Boria Suka-Suka." Some drawbacks regarding the boria performance in the animation have also been discussed for the betterment of the boria elements. This study is hoped to be the steppingstone towards the establishment of interest and as the reference point for the appreciation of the boria through animation so that the structure of the boria will always be preserved.

Keywords: *Upin & Ipin, attraction, Youtube, Facebook, elements of the boria.*

PENGENALAN

Apresiasi merupakan penghargaan, pengiktirafan dan penghayatan terhadap nilai sesuatu karya seperti hasil seni atau sastera (*Kamus Dewan Edisi Keempat*, 2014). Tahap pengetahuan seseorang dapat melahirkan apresiasi seseorang terhadap seni persembahan tradisional. Menurut Abdul Rahman Hanafiah (1995), apresiasi merupakan proses penimbangan dari satu penilaian terhadap hasil karya seni, sama ada seseorang itu tertarik atau tidak. Selain itu, apresiasi seni budaya adalah pemahaman seseorang terhadap seni kreatif dan budaya, malah menunjukkan minat dengan cara mengikuti perkembangan, menikmati dan memahami (Che Samsudin, 2015). Justeru, kefahaman dalam mewujudkan apresiasi boria dapat memberi pengetahuan dan menarik minat melalui tontonan animasi Upin & Ipin episod Boria Suka-Suka.

Boria adalah persembahan teater yang amat popular di negeri utara Malaysia, terutama Pulau Pinang. Menurut Ghouse Nasuruddin (2000), persembahan boria di Pulau Pinang dilakukan oleh kumpulan pekerja India dari British East India Company. Selain itu, ada pula mengatakan bahawa boria diperkenalkan oleh The Twenty-Firts Indian Regiment pada tahun 1845. Boria banyak dikaitkan dengan peristiwa Karbala, iaitu peristiwa pembunuhan Saidina Hussein r.a, iaitu putera kepada Saidina Ali (cucu Nabi Muhammad SAW) oleh tentera-tentera Yazid, anak kepada Muawiyah bin Abi Suffian. Peristiwa Karbala merupakan sejarah yang paling kelam dan paling berdarah yang merupakan pembunuhan terberat dan tragis dalam sejarah Islam (Mohammad Monib & Islah Bahrawi, 2011).

Boria pada peringkat awalnya dilakukan pada setiap bulan Muharam oleh kumpulan orang India dan tidak lagi mengikuti tujuan asalnya (Mahani Musa, 2003). Terdapat juga kumpulan-kumpulan daripada pasukan boria bendera merah dan putih yang menjalankan persaingan persembahan boria mereka sehingga berlakunya pergaduhan. Kini, boria membawa maksud lain apabila orang Melayu merujuk aktiviti ini sebagai rutin nyanyian dan tarian yang dipersembahkan oleh sekumpulan penghibur dengan memuji negeri atau pemimpin yang menaungi kumpulan boria tersebut (Wazir, 2009).

Dari segi genre, boria dulu dan kini mengandungi dua unsur utama. Ia terdiri daripada sketsa komedi yang dilakonkan pada permulaan persembahan, diikuti dengan nyanyian dan tarian berdasarkan tema yang sama dalam persembahan tersebut (Rahmah Bujang, 1987). Selain itu, terdapat juga muzik dan kostum yang digunakan dalam persembahan boria. Secara umumnya, boria mempunyai lima elemen, iaitu sketsa, nyanyian, tarian, muzik dan kostum. Tambahan pula, elemen-elemen tersebut turut mengandungi komponen seperti tukang karang, *sailor*^d, pelakon sketsa dan pemuzik. Justeru, animasi Upin & Ipin episod Boria Suka-Suka mampu memberi pengetahuan dan kefahaman tentang boria serta dapat menarik minat melalui tontonan animasi tersebut untuk mengapresiasi boria.

Kemunculan siri animasi Upin & Ipin pada tahun 2007 sangat dikenali di seluruh Malaysia menerusi slot-slot pendek yang disiarkan di TV9 terbitan Les' Copaque Production. Watak dua orang adik-beradik kembar bersama keluarganya iaitu nenek dan kakak serta rakan-rakan membuatkan siri animasi ini menarik minat semua lapisan masyarakat di Malaysia. Siri animasi Upin & Ipin sememangnya dilihat sebagai sebuah siri animasi Melayu kerana paparan jalan ceritanya yang menerapkan nilai-nilai murni serta suasana di kampung dalam setiap episod. Akhirnya ia melahirkan identiti Upin & Ipin dalam kejayaan slot-slot pendek tersebut.

Animasi Upin & Ipin merupakan maklum balas atas kegagalan animasi-animasi Malaysia sebelumnya yang tidak mampu menghasilkan dan menyajikan animasi berkualiti tinggi (M. Endy Saputro, 2011). Secara umumnya, Upin & Ipin merupakan animasi yang sangat popular di Malaysia sebagai medium penyampaian maklumat pada masa kini. Oleh itu, kajian ini akan memfokuskan episod Boria Suka-Suka melalui animasi Upin & Ipin musim ketujuh pada tahun 2013. Penceritaan yang berdurasi 21.00 minit yang terdiri daripada tiga bahagian menceritakan pelaksanaan sebelum dan semasa persembahan boria pada sambutan Hari Kanak-Kanak. Secara tidak langsung, tarikan minat penonton terhadap Upin & Ipin dalam episod Boria Suka-Suka dapat mengapresiasi boria, malah elemen

dalam persembahan boria akan memberikan pengetahuan dan kefahaman yang jelas kepada penonton.

OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini menyelidik tentang apresiasi boria dalam animasi Upin & Ipin melalui episod Boria Suka-Suka berdasarkan tiga bahagian tayangan. Objektif kajian ini adalah seperti yang berikut:

- i) Menenal pasti tayangan Upin & Ipin episod Boria Suka-Suka sebagai tarikan minat kepada penonton untuk mengenali boria.
- ii) Membincangkan elemen boria dalam memberi pengetahuan kepada penonton yang menonton persembahannya.

MASALAH KAJIAN

Boria telah mengalami kekangan kerana dipersembahkan pada majlis-majlis tertentu seperti majlis mempromosikan pelancongan negeri. Penggiat-penggiat boria di Pulau Pinang tidak mempunyai tempat, masa dan saluran khas untuk mempromosikan seni warisan ini melalui persembahan. Isu berhubung dana dan kekurangan modal untuk mempromosikan boria disebabkan pengurusan sesebuah kumpulan boria memerlukan modal yang tinggi (Ferdhaus, Masitah & Badaruddin, 2014).

Menurut Jibrin dalam penulisan Kalsom Rahmathulah (2015), peredaran masa menyebabkan persembahan boria semakin kurang diketahui sehingga konsepnya yang asal tidak lagi difahami oleh masyarakat masa kini. Secara tidak langsung, boria pada masa kini mempunyai banyak kekangan untuk dibawa jauh ke hadapan berbanding persembahan lain di Malaysia seperti dikir barat, wayang kulit dan makyung. Selain itu, menurutnya lagi keaslian dalam boria perlu dikekalkan supaya identiti boria sentiasa segar biarpun telah menerima pembaharuan serta sentuhan mengikut peredaran zaman teknologi masa kini.

Alasan kepada ekonomi tidak stabil dan keutamaan perkara lain menyebabkan boria semakin kurang sambutannya dalam kalangan masyarakat (Wan Syahrul, 2016). Hal ini mengakibatkan tanggungjawab untuk menjaga seni budaya warisan seperti boria semakin dipinggirkan oleh pihak-pihak yang terlibat kerana kos memulihara warisan ini adalah tinggi jika tidak mendapat bantuan daripada kerajaan, pihak swasta dan sebagainya.

TINJAUAN LITERATUR

Fujioka (1999), menyatakan bahawa televisyen adalah kumpulan sosialisasi yang berpengaruh, yang menyediakan persekitaran sosial bagi membuat penonton membina realiti sosial mereka dan mengembangkan sikap mereka terhadap kumpulan sosial yang lain. Lantaran itu, siri animasi yang ditayangkan seperti *Upin & Ipin* adalah salah satu usaha yang tepat kepada penonton untuk memudahkan menonton melalui penyampaian sesuatu mesej terhadap kefahaman dari segi visual persembahan boria.

Munadi (2012), mengemukakan beberapa ciri dalam tontonan yang dijadikan contoh dan digunakan sebagai media untuk mendapat sesuatu pengetahuan seperti berikut:

- i. Mampu menarik minat penonton.
- ii. Benar dan sah.
- iii. *Setting*, pakaian dan lingkungan yang terkini.
- iv. Bersesuaian dengan tingkat kematangan penonton.
- v. Perbendaharaan kata yang digunakan secara betul.
- vi. Kesatuan dan rangkaiannya yang teratur.
- vii. Teknik yang digunakan mencukupi untuk memenuhi syarat dan memuaskan.

Animasi *Upin & Ipin* merupakan tayangan yang baik, sekali gus memberi pengetahuan dalam mesej yang ingin disampaikan (Azuna Vion Harnadi, 2017). Tegasnya, tayangan tersebut dapat memberikan kesan kepada penonton yang terdiri daripada pelbagai lapisan masyarakat terutama kanak-kanak untuk menerima ilmu pengetahuan. Kenyataan tersebut juga disokong oleh Ira Anggraeni, Tesa Apriani dan Aditya Permana (2018), iaitu keinginan penonton termasuk kanak-kanak untuk menyaksikan tayangan *Upin & Ipin* sangat tinggi kerana mempunyai keunikan penyampaian cerita dan kelucuan setiap watak-watak dalam tayangan animasi tersebut.

Menurut Wan Norina *et al.* (2013), laman sosial seperti Facebook, Youtube dan sebagainya dijadikan sebagai medium untuk bersantai. Pernyataan tersebut diakui oleh Fariza, M., S. dan Muhammad (2010), iaitu Facebook merupakan antara laman sosial yang paling popular di Malaysia. Youtube pula didapati mampu menyampaikan dan menjadi pemudah cara ilmu pengetahuan yang mengadungi unsur grafik, teks dan bunyi sambil bersantai (Mohd. Noorhadi, Yusof & Zurinah Tahir, 2017). Secara tidak langsung, pernyataan tersebut memberikan peluang yang luas untuk memuat naik tayangan animasi *Upin & Ipin* episod

Boria Suka-Suka. Ia adalah langkah terbaik bagi menarik *viewers* yang banyak dan dapat menyampaikan pengetahuan kepada audiens.

Boria berasal dari Pulau Pinang dan telah mengalami perubahan daripada matlamat asalnya untuk tujuan ta'ziah dalam peristiwa Karbala oleh pemahaman Syiah sehingga boria menjadi persembahan bersuka ria (Mahd. Ishak Abd. Aziz, 1979). Tambahan pula, perubahan boria turut dapat dilihat dari segi tujuan dan waktu persembahan, pakaian, peralatan muzik yang digunakan dan lain-lain lagi.

Elemen-elemen dalam persembahan seperti pentas sebagai medium penyampainya, pelaku sebagai perantaranya, olahan penceritaan hingga menjadi daya penarik, serta penonton yang menerima adalah elemen yang mampu memberikan pengertian serta pengetahuan sesuatu persembahan itu (Rahmah Bujang, 2007). Tambahan pula, boria dijadikan medium untuk menyampaikan mesej melalui penceritaannya. Wazir (2009), menjelaskan terdapat elemen-elemen yang terdapat dalam boria yang merujuk kepada rutin sketsa, nyanyian dan tarian serta kostum dan muzik yang dipersembahkan oleh sekumpulan penghibur.

Wan Abdul Kadir (1988), dalam bukunya, *Budaya Popular dalam Masyarakat Melayu Bandaran* menyatakan lawak jenaka atau komedi memang sudah wujud dalam persembahan teater Melayu tradisional seperti boria, bangsawan dan sebagainya. Unsur lawak yang diselitkan berjalan selari dengan sesuatu persembahan cerita dan dapat memberikan hiburan secara langsung kepada penonton. Selain itu, menurut Ghouse Nasaruddin (2000), tarian merupakan unsur penting dalam persembahan boria selepas persembahan lakonan sketsa. Nyanyian dan tarian dilakukan secara serentak kerana langkah tarian oleh *sailor* akan dimulakan dahulu dan seterusnya diikuti dengan nyanyian oleh tukang karang. Malah, boria semasa telah menggunakan pergerakan tari yang telah ditetapkan (*choreographed*) dan dilakukan seragam.

Pantun menjadi langgam utama dalam dendangan rakyat seperti boria, dikir barat dan beberapa lagi bentuk nyanyian rakyat (Zainal Abidin Bakar, 1991). Pernyataan tersebut mempunyai persamaan oleh Muhammad Haji Salleh (2014), iaitu pantun digunakan dalam boria awal sebagai dasar lagu. Pantun tersebut akan dinyanyikan oleh penyanyi utama, iaitu tukang karang akan disahut oleh penyanyi lain iaitu *sailor*. Lantaran itu, tukang karang dan *sailor* akan memakai kostum semasa persembahan boria berlangsung.

Omar M. Hashim (Omara) yang disebut dalam Siti Haliza Yusop (2015), menyatakan amalan kostum sedondon dimulakan di RTM² ketika pertandingan Dendang Rakyat, yang disertai banyak kumpulan boria pada dekad 1970-an dan 1980-an. Pernyataan tersebut mempunyai persamaan dengan Jibran Khalil seperti dalam Kalsom Rahmathulah (2016), melaporkan bahawa identiti itu mengalami evolusi³ sejak dekad 1970-an, iaitu zaman boria mula dikomersialkan melalui rancangan realiti dengan pakaiannya diseragamkan menggunakan warna terang dan berlabuci untuk menunjukkan kemeriahan, diiringan muzik.

Perubahan muzik dalam persembahan boria yang dahulunya menggunakan bantuan alat muzik secara langsung kini menggunakan *minus one* (Jibran Khalil disebut dalam Kalsom Rahmathulah, 2016). Rangkap karangan boria dahulu juga mampu mencecah 20 hingga 30 rangkap berbanding persembahan terkini menggunakan *minus one* yang terhad mengikut durasi muzik itu. Menurut Omara (2010), aspek terpenting muzik adalah keupayaan para pemuzik untuk membawa irama yang dapat mengiringi nyanyian tukang karang. Secara umumnya, elemen-elemen boria ini memainkan peranan penting dan tidak lengkap jika salah satu elemen ini tidak dilakukan.

Oleh hal yang demikian, kajian ini dijangka dapat memberikan satu pengalaman baharu melalui tayangan Upin & Ipin episod Boria Suka-Suka untuk mewujudkan minat dan apresiasi penonton terhadap persembahan boria. Selain itu, perbincangan terhadap elemen dalam persembahan boria akan memberikan kefahaman yang jelas melalui tayangan episod animasi ini kepada penonton.

METODOLOGI KAJIAN

Kaedah kualitatif digunakan dalam kajian ini untuk memperoleh data agar objektif kajian tercapai. Analisis kandungan dipilih sebagai instrumen utama kajian ini serta jurnal, buku, akhbar dan video yang lepas diteliti untuk memperoleh maklumat tentang kaedah, sejarah dan amalan persembahan boria melalui animasi Upin & Ipin. Menurut Eriyanto (2011), analisis kandungan dapat digunakan untuk menganalisis semua bentuk dokumen baik cetak ataupun visual dan audio visual seperti surat khabar, surat peribadi, buku, kitab suci, radio, televisyen, iklan dan filem. Pengumpulan data bertujuan meneliti animasi Upin & Ipin episod Boria Suka-Suka yang ditonton oleh pengkaji daripada tayangan di Youtube dan Facebook. Sampel yang akan digunakan melalui animasi tersebut diambil secara rawak dari Youtube dan Facebook sahaja.

Kajian ini mengaplikasikan teori AIDDA oleh Wilbur Schramm dalam Effendy Onong (2005), sebagai landasan kepada pengkaji dalam meneliti data-data yang diperoleh. Teori ini merupakan komunikasi yang berfungsi sebagai penyampaian sesuatu mesej untuk memberi pengetahuan. Teori AIDDA merupakan akronim kepada;

AAttention (Perhatian): Keinginan seseorang untuk mencari dan melihat sesuatu perkara.

I *Interest* (Minat): Perasaan ingin mengetahui lebih dalam tentang suatu perkara yang menimbulkan daya tarikan bagi seseorang.

D *Desire* (Hasrat/Keinginan): Kemahuan yang timbul dari hati tentang sesuatu yang mampu menarik perhatian.

D *Decision* (Keputusan): Kepercayaan untuk melakukan sesuatu perkara.

A *Action* (Tindakan): Suatu perbuatan untuk merealisasikan keyakinan dan daya penarik terhadap sesuatu perkara.

Konsep teori AIDDA adalah proses bertujuan untuk mengenali boria dengan mengambil perhatian (*attention*). Oleh itu, timbullah minat (*interest*) penonton untuk menyaksikan tayangan tersebut dan seterusnya menimbulkan hasrat (*desire*) untuk cuba melakukan persembahan boria. Kemudian, diikuti dengan keputusan (*decision*) melalui tayangan tersebut dapat memberi pengetahuan dan kefahaman tentang boria. Oleh hal yang demikian, proses penelitian akan mempengaruhi keputusan penonton berdasarkan pendekatan AIDDA kerana dapat menarik minat penonton untuk mengenali boria melalui tayangan Upin & Ipin episod Boria Suka-Suka. Secara tidak langsung, kefahaman dalam mewujudkan apresiasi boria melalui episod animasi ini dalam kalangan penonton akan dihayati dan disukai, malah dapat mempengaruhi orang lain untuk turut serta.

HASIL DAN PERBINCANGAN

Hasil penemuan data melalui analisis kandungan oleh pengkaji mendapati setiap tayangan Upin & Ipin bagi setiap episod termasuklah episod Boria Suka-Suka telah mendapat sambutan yang amat tinggi bagi setiap tontonan (*viewers*). Tayangan di media sosial seperti Youtube dan Facebook mencapai jutaan *viewers* berdasarkan *platform* telefon pintar, komputer dan sebagainya. Secara tidak langsung, analisis kandungan merupakan satu kaedah terbaik yang digunakan bagi menganalisis bahan-bahan media seperti media cetak, media elektronik dan sebagainya. Hal ini demikian kerana kaedah ini mempunyai kelebihan yang tersendiri dan tahap sensitiviti terhadap kandungan sesuatu teks mahupun media (Krippendorff, K., 2013).

Selain daripada tayangan awal menerusi televisyen, pihak Les' Copaque Production turut memuat naik semula tayangan tersebut di kedua-dua media sosial tersebut. Kesannya, penonton dapat melihat kembali tayangan setiap episod yang tertinggal menerusi televisyen. Tambahan pula, tayangan di media sosial dapat memberi kelebihan kepada penonton kerana kekerapan ulangan tontonan mengikut kemahuan seseorang. Tayangan yang dimuat naik melalui media sosial oleh pihak Les' Copaque Production membolehkan tayangan tersebut terus kekal selagi tidak dipadam. Tayangan video ini juga dapat memberikan satu pengalaman baharu melalui tayangan Upin & Ipin episod Boria Suka-Suka untuk mewujudkan minat dan apresiasi penonton terhadap persembahan boria. Secara tidak langsung, pengetahuan boria dalam animasi ini dapat memudahkan seseorang untuk memahami persembahan boria berdasarkan elemennya.

Seperti yang telah dijelaskan dalam konsep teori AIDDA, ia merupakan proses kepada tayangan Upin & Ipin episod Boria Suka-Suka sebagai tarikan minat kepada penonton untuk mengenali boria dikumpulkan daripada komen-komen Youtube dan Facebook seperti berikut;

Proses Tarikan Minat melalui AIDDA

Mengambil Perhatian (<i>Attention</i>)	
Pembuktian	Perbincangan
<ol style="list-style-type: none"> 1. Tayangan: Facebook 2. Tajuk: Iklan poster Boria Suka-Suka Upin & Ipin 3. Siaran: <i>Page Official</i> Upin & Ipin 4. Dimuat naik: 28 Disember 2013 5. Tontonan: Tidak dicatat 6. Setuju: 9.3k 7. Tidak setuju: Tidak dicatat 	<ol style="list-style-type: none"> i. Les' Copaque Production mempromosikan animasi Upin & Ipin episod Boria Suka-Suka dalam laman Facebook melalui <i>Page</i> kepada khalayak umum yang dijadikan sasaran utama. ii. Iklan poster yang dimuat naik ini mempunyai tajuk episod, tarikh dan masa tayangan, serta saluran animasi ini ditayangkan. iii. Sasaran tertumpu kepada respons melalui komen seseorang. iv. Les' Copaque Production menggunakan poster sebagai publisiti dan pemasaran bagi menarik kumpulan sasaran.
	Kesimpulan
	<p>Hasil penelitian ini, <i>attention</i> yang dilakukan oleh Les' Copaque Production mampu memberikan penonton membuat persediaan awal bagi menetapkan tarikh, masa dan saluran tayangan di TV9. Poster yang menarik memainkan peranan penting untuk menarik seseorang itu untuk menonton episod Boria Suka-Suka. Justeru, respons pada ruang komen Facebook disediakan sebelum dan selepas tayangan. Secara tidak langsung, keinginan seseorang untuk mencari dan melihat berdasarkan iklan poster ini akan menarik minat untuk menonton tayangan di TV9.</p>





Foto 1 Iklan poster di Facebook



Daya Tarikan melalui Minat (<i>Interest</i>)	
Pembuktian	Perbincangan
<ol style="list-style-type: none"> 1. Facebook 2. Tajuk: Iklan poster Boria Suka-Suka Upin & Ipin 3. Siaran: <i>Page Official</i> Upin & Ipin 4. Dimuat naik: 28 Disember 2013 5. Tontonan: Tidak dicatat 6. Setuju: 9.3k 7. Tidak setuju: Tidak dicatat 	<p>i. Pengkaji mengambil data melalui ruang komen yang diambil secara rawak.</p> <p>ii. Melalui data tersebut pengkaji mendapati kebanyakan komen memberikan respons yang positif berdasarkan hasil tayangan animasi tersebut di TV9. Responden diambil secara rawak;</p> <div style="border: 1px solid #ccc; padding: 5px; margin-bottom: 5px;"> <p>Ahmad Azrie best giler lagu die dh 2 kali dengar kat mini karnival upin ipin BJ 6 y Like Reply</p> </div> <div style="border: 1px solid #ccc; padding: 5px; margin-bottom: 5px;"> <p>Muhammad Suhail seronok sangat sebab semalam tengok upin ipin bora suka suka 6 y Like Reply</p> </div> <div style="border: 1px solid #ccc; padding: 5px; margin-bottom: 5px; text-align: center;"> <p>YS Hei anak saya sangat suka.siang-siang sudah tunggu depat TV. 6 y Like Reply</p> </div> <p style="text-align: center;">Foto 2 Komen-komen daripada Facebook</p> <p>iii. Terdapat permintaan tayangan semula animasi tersebut melalui respons pada ruangan komen seperti berikut;</p> <div style="border: 1px solid #ccc; padding: 5px; margin-bottom: 5px;"> <p>Nur Hidayah Binti Dzulkapri saya pun terlepas sbb tgk takde tulis pun upin ipin... 6 y Like Reply</p> </div> <div style="border: 1px solid #ccc; padding: 5px; margin-bottom: 5px;"> <p>Senny Addy Best sangat.tapi ank2x x puas hati sbb sekejap aje katanya..nk tgk lagi.... 6 y Like Reply</p> </div> <div style="border: 1px solid #ccc; padding: 5px; margin-bottom: 5px; text-align: center;"> <p>Anisa Srikandi kok di youtube blum ade aku la tunggu tunggu nii la berape hari 6 y Like Reply</p> </div> <p style="text-align: center;">Foto 3 Komen-komen di Facebook</p>
	Kesimpulan
	<p>Berdasarkan penelitian, iklan dihasilkan untuk menimbulkan minat seseorang untuk menonton tayangan ini melalui saluran TV9 oleh pihak Les' Copaque Production. Minat mula muncul disebabkan tayangan boria belum pernah dilihat dalam animasi Upin & Ipin sebelumnya. Respons yang positif diterima daripada komen-komen setelah menonton episod ini. Secara tidak langsung, tayangan semula selain di TV9 seperti Youtube dan Facebook akan menimbulkan proses hasrat untuk menonton tayangan episod ini berulang kali.</p>



Hasrat (<i>Desire</i>)	
Pembuktian	Perbincangan
<ol style="list-style-type: none"> 1. Tayangan: Youtube 2. Tajuk: Upin & Ipin Musim 7 (2013) Boria Suka-Suka-Full 3. Siaran: AFK TV 4. Dimuat naik: 8 Januari 2017 5. Tontonan: 677,465 6. Setuju: 1.6 ribu 7. Tidak setuju: 604  <p>Foto 4 Tayangan di Youtube</p>	<ol style="list-style-type: none"> i. Tiada komen yang disiarkan pada video ini setelah ditutup oleh pihak AFK TV. ii. Setelah empat tahun tayangan di TV9, video yang dimuat naik pada 2017 mendapat sejumlah 677 ribu tontonan. iii. Jika tayangan episod ini dimuat naik lebih awal, maka jumlah tontonan lebih tinggi daripada jumlah sekarang. iv. Secara tidak langsung, hasil iklan tersebut mendatangkan hasrat seseorang melihat tayangan ini di Youtube siaran AFK TV.
<ol style="list-style-type: none"> 1. Tayangan: Youtube 2. Tajuk: Upin & Ipin - Boria Suka-Suka [Sing-Along] 3. Siaran: Les' Copaque Production 4. Dimuat naik: 3 Januari 2014 5. Tontonan: 74,973,251 6. Setuju: 109 ribu 7. Tidak setuju: 61 ribu  <p>Foto 5 Tayangan di Youtube</p>	<ol style="list-style-type: none"> i. Tiada komen disiarkan pada video ini setelah ditutup oleh Les' Copaque Production. ii. Jumlah 74,973,251 tontonan adalah jumlah tertinggi direkodkan dalam tayangan yang dimuat naik bertajuk Boria Suka-Suka (<i>sing along</i>). iii. Terdapat juga 109 ribu yang bersetuju dan 6.1 ribu tidak bersetuju. iv. Langkah yang bijak dilakukan oleh pihak ini kerana memuat naik tayangan ini enam hari selepas tayangan di TV9 pada 28 Disember 2013.
	Kesimpulan
	<p>Berdasarkan penelitian proses ini, hasrat mula timbul untuk menonton video episod Boria Suka-Suka menerusi Youtube. Selain itu, pada tahap ini penonton memiliki keinginan untuk menonton berulang kali. Pengetahuan boria akan tersebar luas melalui video di Youtube. Justeru, keinginan untuk menonton video ini akhirnya menimbulkan ikutan kepada seseorang untuk membuat keputusan hasil daripada tontonan video tersebut.</p>



Membuat Keputusan (<i>Decision</i>)	
Pembuktian	Perbincangan
1. Tayangan: Youtube 2. Tajuk: Upin & Ipin Musim 7 (2013) Boria Suka-Suka-Full 3. Siaran: AFK TV 4. Dimuat naik: 8 Januari 2017 5. Tontonan: 677,465 6. Setuju: 1.6k 7. Tidak setuju: 604	i. Melalui tiga bahagian episod Boria Suka-Suka berdurasi 21.00 minit seseorang mendapat pengetahuan boria setelah menonton video ini. ii. Pengetahuan melalui boria berasal dari Pulau Pinang (minit 05.03) yang merupakan teater tradisional. iii. Elemen-elemen boria juga dijelaskan dalam video ini (minit 05.07) yang memerlukan penglibatan ramai. iv. Kepercayaan seseorang melalui video ini, maka pengetahuan dan kefahaman akan dijadikan rujukan untuk menghasilkan boria pada masa hadapan. v. Membuat keputusan melalui tontonan video ini adalah wajar .
1. Tayangan: Youtube 2. Tajuk: Upin & Ipin - Boria Suka-Suka [Sing-Along] 3. Siaran: Les' Copaque Production 4. Dimuat naik: 3 Januari 2014 5. Tontonan: 74,973,251 6. Setuju: 109k 7. Tidak setuju: 61	i. Video ini hanya menayangkan persembahan boria sahaja. ii. Elemen sketsa tidak dimuat naik bersama dalam video ini. iii. Seseorang yang menonton video ini tanpa melihat kandungan penuh akan mendatangkan kesan buruk kepada apresiasi boria, terutama untuk generasi akan datang. iv. Boria tanpa elemen yang lengkap tidak seharusnya dijadikan sebagai rujukan kepada seseorang dalam penghasilan boria pada masa akan datang. v. Seharusnya konteks tujuan persembahan harus dikekalkan seperti video penuh animasi Upin & Ipin episod Boria Suka-Suka. vi. Membuat keputusan dengan menonton video ini sahaja adalah tidak wajar .
	Kesimpulan
	Kewajaran perbincangan hasil dua video di atas memainkan peranan penting dalam apresiasi boria melalui animasi ini. Berdasarkan penelitian melalui proses membuat keputusan, persoalan seseorang akan timbul untuk melakukan boria berdasarkan contoh video tersebut. Oleh itu, keinginan seseorang untuk membuat keputusan akhirnya melaksanakan boria dengan rakaman sendiri, kemudian dimuat naik di Youtube dan Facebook.



Tindakan melalui Perlakuan (Action)	
Pembuktian	Perbincangan
<p>Dimuat naik melalui Youtube</p>  <p>Foto 6 Tayangan hasil ciptaan boria di Youtube</p>	<p>i. Sebanyak 51 video dihasilkan telah dimuat naik dengan meniru contoh persembahan Upin & Ipin episod Boria Suka-Suka.</p> <p>ii. Penghasilan tersebut hanya menggunakan lagu Boria Suka-Suka tanpa elemen sketsa.</p> <p>iii. Terdiri daripada kanak-kanak sehingga orang dewasa meniru persembahan Boria Suka-Suka.</p>
<p>Dimuat naik melalui Facebook</p>  <p>Foto 7 Tayangan hasil ciptaan boria di Facebook</p>	<p>i. Lebih daripada 15 video dihasilkan. Penghasilan ini adalah berdasarkan lagu Boria Suka-Suka dan gerak tari sahaja.</p> <p>ii. Peniruan video di Youtube mampu dijadikan rujukan kepada penonton untuk menghasilkan boria.</p>
	<p>Kesimpulan</p> <p>Merealisasikan episod ini sebagai rujukan telah menarik minat menghasilkan boria melalui cara merekodkan video sendiri menggunakan lagu Boria Suka-Suka. Rakaman video itu kesemuanya hanya menggunakan lagu tersebut tanpa elemen penting seperti sketsa. Rakaman tersebut dimuat naik di Youtube dan Facebook dengan tujuan berkongsi kepada orang lain. Secara tidak langsung, tindakan ini mewujudkan apresiasi boria melalui animasi Upin & Ipin Boria Suka-Suka kepada semua lapisan masyarakat sama ada di Malaysia, Indonesia dan negara-negara lain.</p>

Jadual 1 Olahan kajian berdasarkan teori AIDDA

Proses di atas, menunjukkan keberkesanan apresiasi boria melalui animasi Upin & Ipin menerusi saluran TV, Youtube dan Facebook. Berdasarkan aplikasi teori tersebut, iklan poster tayangan Upin & Ipin episod Boria Suka-Suka merupakan penarik perhatian dan memberi tarikan minat kepada penonton untuk mengenali boria. Secara tidak langsung, hasrat yang ditimbulkan melalui medium TV, Youtube dan Facebook dapat membantu boria berusaha untuk

membangkitkan kesedaran terhadap teater tradisional Pulau Pinang. Bukan itu sahaja, penelitian proses membuat keputusan mendatangkan kesan tindakan sebagai minat daripada ikutan siri animasi Upin & Ipin. Sekali gus, mampu memperkenalkan dan mempromosikan boria kerana ia mempunyai pengikut sejumlah 12 juta di Facebook dan 8.64 juta di Youtube. Sejumlah pengikut besar itu mampu menarik minat seseorang untuk mengenali boria.











Walau bagaimanapun, pengkaji mendapati proses tindakan yang menjadikan video Boria Suka-Suka sebagai contoh dan rujukan dalam video ciptaan mereka ini mengabaikan elemen sketsa. Sementara itu, animasi Upin & Ipin episod Boria Suka-Suka mempunyai kekurangan dan kesilapan dalam persembahan boria. Oleh itu, pengkaji membuat satu perbincangan terhadap elemen-elemen boria yang perlu diperjelaskan bagi memberi kefahaman dan pengetahuan sebagai rujukan pada masa hadapan. Secara tidak langsung, proses penelitian mempengaruhi keputusan penonton berdasarkan pendekatan AIDDA kerana telah menarik minat penonton untuk mengenali boria melalui tayangan animasi ini. Usaha mewujudkan apresiasi boria melalui episod animasi ini dalam kalangan penonton membuatkan boria akan dihayati dan disukai, malah dapat mempengaruhi orang lain untuk turut serta.



Perbincangan Elemen-elemen Boria dalam Upin & Ipin Episod Boria Suka-suka

a) Sinopsis Episod Boria Suka-Suka

Upin & Ipin mendapat tahu tentang sambutan Hari Kanak-Kanak daripada Kak Ros dan Opah yang diadakan di kampung mereka. Keesokan harinya di Tadika Mesra, Cikgu Melati memberitahu Upin dan Ipin serta rakan-rakan sekelas bahawa tadika mereka dipilih untuk mengadakan persembahan pentas pada majlis sambutan Hari Kanak-Kanak anjuran UNICEF yang bakal diadakan di balai raya. Cikgu Melati menjelaskan bahawa UNICEF merupakan pertubuhan yang berperanan menyelesaikan masalah dan membela nasib kanak-kanak di seluruh dunia. Terdapat beberapa persembahan dicadangkan oleh mereka. Cikgu Melati terpaksa memutuskan semua cadangan tersebut digabungkan menjadi satu persembahan sahaja iaitu boria. Persiapan dan latihan mengikut pembahagian tugas dilakukan oleh mereka sebelum dan semasa sambutan sebenar.

b) Pembahagian Tugas Persembahan Boria Berdasarkan Watak-watak dalam Animasi ini


Watak	Tugasan	Watak	Tugasan
1. Foto 8 Upin 	1. Pelakon sketsa 2. Tukang karang 3. Memegang tongkat	7. Foto 14 Fizi 	1. <i>Sailor</i>
2. Foto 9 Ipin 	1. Pelakon sketsa 2. <i>Sailor</i> 3. Memegang sepasang marakas	8. Foto 15 Susanti 	1. <i>Sailor</i> 2. Memegang sekaki payung
3. Foto 10 Mail 	1. Pelakon sketsa 2. <i>Sailor</i>	9. Foto 16 Ijat 	1. <i>Sailor</i>
4. Foto 11 Mei Mei 	1. Pelakon sketsa 2. <i>Sailor</i> 3. Memegang sekaki payung	10. Foto 17 Dzul 	1. <i>Sailor</i>
5. Foto 12 Jarjit 	1. Pelakon sketsa 2. <i>Sailor</i>	11. Foto 18 Devi 	1. <i>Sailor</i>

<p>6. Foto 13 Ehsan</p> 	<p>1. Pelakon sketsa 2. <i>Sailor</i></p>	<p>1. Foto 19 Nurul</p> 	<p>1. <i>Sailor</i> 2. Memegang bunga manggar</p>
--	---	--	---

Jadual 2 Tugas setiap watak animasi Upin & Ipin

c) **Sketsa**

Cakap-cakap dalam animasi ini merupakan lakonan sketsa. Ia membangkitkan isu berkenaan kanak-kanak yang diajukan soalan kepada pelakon-pelakon sambil duduk, bermula dengan Jarjit (bahagian 3, minit 14.18–16.40). Isu tersebut dibincangkan melalui persoalan dan jawapan bagi menjelaskan isu yang dihadapi oleh lakonan Jarjit, Ehsan, Mei Mei, Mail, Upin dan Ipin dalam sketsa tersebut.


Pembuktian	Perbincangan	Kesimpulan
<p>Bahagian 3 (minit 14.18–16.40)</p>  <p>Gambar 20 Situasi sketsa</p>	<p>i. Seramai enam orang pelakon yang terlibat dalam sketsa ini (minit 14.18).</p> <p>ii. Soalan diajukan kepada Upin tentang kanak-kanak dimarahi dan dipukul. Jawapan oleh Upin ditambah oleh Upin untuk membetulkan pernyataan tersebut supaya lebih tepat.</p> <p>iii. Upin dan Ipin membantu Mail dengan melanjutkan penerangan tentang UNICEF. Diakhiri dengan ucapan terima kasih kepada UNICEF.</p> <p>iv. Ehsan menutup sketsa itu dengan satu kesimpulan. Laungan enam orang pelakon, “<i>Kanak-kanak adalah pewaris masa depan</i>”, diakhiri oleh Ipin dengan “<i>Betul, betul, betul</i>”.</p> <p>v. Jarjit dengan girangnya mengumumkan acara seterusnya, “<i>Dua tiga kuih keria, mari kita boria!</i>”</p>	<p>i. Pengkaji mendapati daripada kajian lepas, sketsa boria terdiri daripada tiga hingga lima orang pelakon.</p> <p>ii. Konflik yang dileraikan merupakan keunikan boria kerana pendapat akan diterima oleh watak-watak lain.</p> <p>iii. Pujian terhadap penaja merupakan aspek yang sering dilakukan dalam sketsa.</p> <p>iv. Martabat boria diangkat kerana mediumnya untuk menyampaikan mesej melalui sketsa.</p> <p>v. Struktur ini amat penting untuk dijadikan sebagai penyambung segmen nyanyian dan tarian oleh tukang karang dan <i>sailor</i>.</p>

Jadual 3 Hasil kajian tentang sketsa yang dilakukan oleh Upin dan Ipin serta rakan-rakannya

Berdasarkan Jadual 3, pengkaji mendapati sketsa yang dipersembahkan dalam episod ini mempunyai persamaan daripada kajian lepas berkenaan boria. Sketsa animasi ini bertepatan dengan boria sebenar yang memerlukan pertengkaran dan perleraian, bertepatan dengan tema dan jalan cerita, malah akan mengundang kelucuan (minit 14.50–15.37). Skrip tidak digunakan terutama pada peringkat awal perkembangan boria, namun dalam animasi ini Cikgu Melati mempunyai skrip (minit 14.27). Kini, tema dipilih untuk dijadikan medium penyampaian mesej. Antara contoh tema sketsa adalah isu-isu kemasyarakatan dan kritikan sosial termasuklah animasi ini. Justeru, melalui penamat sketsa ini pelakon mendapat jalan penyelesaiannya. Selain itu, pujian kepada penaja menjadi kemestian kepada pelakon seperti yang dilakukan dalam animasi ini (minit 15.57). Seramai enam orang pelakon dalam tayangan tersebut tetapi jumlah boria sebenar adalah tiga hingga empat orang. Walau bagaimanapun, jumlah pelakon adalah tidak terhad dan mengikut keperluan jalan cerita. Akhir sekali, sebelum segmen tarian dan nyanyian dimulakan, pelakon akan mengajak pelakon lain untuk melihat boria atau membuat persembahan boria (minit 16.37).


d) Tarian

Tarian Boria Suka-Suka dalam tayangan animasi Upin & Ipin yang terdiri daripada 12 orang murid dengan pembahagian tugas iaitu melibatkan seorang tukang karang dan 11 orang *sailor*.


Pembuktian	Perbincangan	Kesimpulan
Bahagian 3 (minit 16.41–12.20)  Foto 21 Pola lantai (tempat duduk) setiap orang	i. Gerakan <i>sailor</i> dimulakan dahulu sebelum tukang karang muncul.	i. Permulaan gerak <i>sailor</i> menjadi keutamaan kerana perlu mengikut tertib sebelum tukang karang.
	ii. Pola lantai yang digunakan adalah <i>v-shape</i> sehingga persembahan tamat.	ii. Tiada peraturan tetap untuk menentukan pola lantai tetapi kebanyakan boria menghasilkan pola lantai dua baris melintang dan diselang-seli.
	iii. Gerak tari oleh <i>sailor</i> diseragam dan diselitkan dengan unsur-unsur moden.	iii. Kreativiti gerak tari adalah bebas. Tiada gerak khas dalam tarian.
	iv. Langkah masuk dan keluar tidak dipersembahkan.	iv. Langkah masuk dan keluar harus dilakukan oleh tukang karang dan <i>sailor</i> merupakan tertib yang perlu dipatuhi.

Jadual 4 Hasil kajian daripada tarian dalam persembahan boria

Jadual 4 menunjukkan gerakan *sailor* mendahului tukang karang merupakan tertib sebagai penghormatan kepada tukang untuk masuk sebelum nyanyian bermula (minit 16.50). Tertib ini sering dilakukan dalam setiap kumpulan boria sebenar. Selain itu, keseragaman gerak tari dalam animasi ini dapat dilihat pada minit 16.41–12.20 dan gerak tari bebas secara solo dilakukan oleh Ehsan dan Ijat (minit 18.27). Kreativiti gerak tari boria sebenar adalah bebas dan mementingkan keseragaman tarian oleh *sailor* dijadikan tarikan kepada penonton. Bukan itu sahaja, animasi ini menggunakan gerak tarinya, iaitu silang kaki (minit 17.16) yang mempunyai persamaan dan sering digunakan dalam boria sebenar. Sebagai permulaan dan pengakhiran persembahan boria, *sailor* dan tukang karang perlu melakukan langkah masuk pada permulaan dan langkah keluar di pengakhiran persembahan. Walau bagaimanapun, tertib tersebut tidak dilakukan dalam persembahan Boria Suka-Suka. Boria sebenar kebanyakannya menghasilkan pola lantai berbentuk dua baris melintang dan diselang-seli seperti pada Rajah 1. Namun, tiada peraturan tetap dalam pola lantai boria sebenar. Kreativiti boria dalam tayangan tersebut dapat dilihat menerusi pembaharuan dalam pola lantai *v-shape* seperti Rajah 2 di bawah.



Rajah 1 Pola lantai yang sering digunakan dalam boria sebenar



Rajah 2 Pola lantai yang digunakan dalam animasi Upin & Ipin episod Boria Suka-Suka.

e) **Nyanyian**

Lirik Lagu Boria Suka-Suka

Mari semua rakan dan taulan
Boria Suka-Suka kami dendangkan
Ini hanyalah sekadar gurauan
Untuk semua sebagai hiburan

-Rangkap 1
-Nyanyian tukang karang

(Korus)

Mari semua rakan dan taulan
Boria Suka-Suka kami dendangkan
Ini hanyalah sekadar gurauan
Untuk semua sebagai hiburan

-Korus diulang selepas setiap rangkap
-Nyanyian *sailor*

Satu dua tiga empat dan lima
Kita mesti hormat sesama kita
Tua atau muda sama sahaja
Barulah hidup aman bahagia

- Rangkap 2
- Nyanyian tukang karang

(ulang korus)

Enam tujuh lapan sembilan sepuluh
Bila berkawan jangan bergaduh
Hidup tolong-menolong jangan mengeluh
Bersatu teguh bercerai roboh

- Rangkap 3
- Nyanyian tukang karang

(ulang korus)

Tamatlah sudah ragam dan suka
Harap semua terhibur dan ceria
Nasihat tadi jangan dilupa
Inilah Boria Suka-Suka

-Rangkap 4
-Nyanyian tukang karang bersama *sailor*

Jadual 5 Hasil kajian berkenaan nyanyian dalam persembahan boria oleh tukang karang bersama *sailor*






Pembuktian	Perbincangan	Kesimpulan
Berdasarkan lirik di atas. Bahagian 3. (minit 16.41–12.20)	i. Lirikya mempunyai suku kata akhir yang sama, namun pada rangkap ke-3 baris ke-4 rimanya ‘oh’ berbanding yang lain iaitu ‘uh’.	i. Suku kata akhir yang sama merupakan kekuatan dan keistimewaan dalam boria.
	ii. Mesej yang disampaikan bersesuaian dengan tema dan jalan cerita.	ii. Mesej dalam lirik menjadi fokus utama dalam pengisian boria selain daripada sketsa.
	iii. Lirik yang disampaikan melalui nyanyian tukang karang diselang-seli dengan <i>sailor</i> . Akan tetapi terdapat kesilapan di akhir rangkap, nyanyian bersama-sama oleh tukang karang dan <i>sailor</i> dilakukan sekali sahaja.	iii. Menjadi kewajipan rangkap akhir yang sama dinyanyikan dahulu oleh tukang karang, kemudian diikuti oleh <i>sailor</i> .
	iv. Lirik yang mudah difahami dan tiada kiasan setiap perkataan.	iv. Sopan, tidak berbau fitnah, berunsur lucu, provokatif, dan tidak menyentuh isu politik dan sensitiviti kaum serta agama merupakan keutamaan dalam boria kini.
	v. Mempunyai seorang tukang karang sebagai penyanyi utama.	v. Tugas seorang tukang karang memainkan peranan penting yang berada di hadapan di antara <i>sailor</i> .

Berdasarkan Jadual 5, lirik lagu mestilah mengandungi suku kata yang seirama pada setiap hujung rangkap. Jika rima ‘an’ digunakan pada hujung baris pertama, maka hujung baris yang seterusnya dalam rangkap yang serupa mesti mempunyai bunyi ‘an’ dan bukannya ‘en’ atau ‘in’, contohnya lirik di atas. Jika dilihat pada rangkap ke-3 baris ke-4 rimanya adalah ‘oh’ berbanding baris lain ‘uh’, namun bunyinya hampir sama. Rangkap korus yang dinyanyikan oleh *sailor* biasanya dicipta berasaskan sketsa yang menyampaikan sesuatu mesej seperti dalam animasi ini yang berkaitan isu kanak-kanak (minit 15.56). Rangkap karangan tukang karang adalah berbeza pada setiap rangkap, manakala *sailor* hanya mengulangi rangkap pertama sepanjang persembahan dan rangkap penutup. Akan tetapi, rangkap korus oleh *sailor* (minit 19.14–20.04) disambung dengan rangkap penutup hanya sekali sahaja bersama-sama tukang karang dan *sailor*. Sepatutnya rangkap penutup mempunyai dua rangkap yang sama, dinyanyikan dahulu oleh tukang karang, kemudiannya oleh *sailor*. Lirik dalam nyanyian animasi ini mudah difahami kerana berunsur nasihat tanpa kiasan dan tidak menyentuh sensitiviti norma masyarakat yang berunsur negatif. Tugas seorang tukang karang amat penting untuk menghidupkan persembahan boria dan mampu mempersonakan para penonton yang melihat seperti kehebatan watak Upin yang menjadi tukang karang dalam persembahan boria.

f) **Kostum**

Kostum merupakan elemen yang akan dipakai dalam setiap elemen lain seperti lakonan sketsa, pemuzik, nyanyian tukang karang dan *sailor*. Pengumpulan data dan pembincangan dibuat oleh pengkaji seterusnya membuat kesimpulan dalam jadual seperti berikut;


Jadual 6 Hasil kajian penggunaan kostum

Pembuktian	Perbincangan	Kesimpulan
<p>Bahagian 3 (minit 16.41–12.20)</p>  <p>Foto 22 Kostum tukang</p>  <p>Foto 23 Kostum <i>sailor</i></p>  <p>Foto 24 Props sekaki payung</p>  <p>Foto 25 Props bunga manggar</p>  <p>Foto 26 Props marakas</p>	<p>i. Kostum yang dipakai adalah seragam dan sopan.</p>	<p>i. Boria kini mementingkan keseragaman dan kreativiti sebagai daya penarik.</p>
	<p>ii. Pilihan warna kostum <i>sailor</i> adalah merah dan seluar berwarna putih.</p>	<p>ii. Warna kostum yang bebas mengikut cita rasa untuk menjadikan boria lebih menarik.</p>
	<p>iii. Penggunaan aksesori pakaian seperti tarbus dan bengkung.</p>	<p>iii. Aksesori diguna pakai untuk memberikan kreativiti kepada pemakai.</p>
	<p>iv. Kostum tukang karang berbeza dengan <i>sailor</i>.</p>	<p>iv. Keistimewaan kostum tukang karang memberi kelebihan untuk ditonjolkan.</p>
	<p>v. <i>Props</i> seperti dua kaki payung, bunga manggar dan sepasang marakas.</p>	<p>v. Penambahan <i>props</i> mampu menambahkan lagi kemeriahan persembahan boria.</p>
	<p>vi. Penggunaan tongkat sebagai <i>props</i> kepada tukang karang.</p>	<p>vi. Kewajipan memegang tongkat merupakan identiti tukang karang dalam persembahan boria.</p>

Omara yang disebut dalam Siti Haliza Yusop (2015), menyatakan semenjak tahun 1970-an dan 1980-an, kostum *sailor* disesuaikan dengan cerita yang bakal dipersembahkan dan diseragam. Tambahan pula, melalui rekaan dan warna seperti dalam tayangan minit 16.40 mampu menambahkan lagi daya tarikan persembahan mereka. Selain itu, hasil kajian pada Jadual 6 menunjukkan nilai estetika yang terdapat dalam boria adalah pakaian tukang karang mempunyai ciri-ciri yang istimewa (minit 16.55). Aksesori pelengkap kepada kostum seperti tarbus dan bengkung (minit 14.19) merupakan aksesori yang sering dipakai oleh tukang karang dan *sailor* bagi setiap kumpulan boria. Penggunaan *props* juga bergantung kepada cerita yang hendak dipersembahkan oleh sesebuah kumpulan boria seperti payung, bunga manggar dan sepasang marakas sepanjang persembahan (minit 16.55). Tongkat merupakan *props* yang menjadi kewajipan untuk dipegang dan dihayun oleh tukang karang semasa nyanyiannya (16.56). Tanpa tongkat tersebut, hilanglah identiti dalam persembahan boria.

g) Muzik

Jadual 7 Hasil kajian tentang muzik boria

Pembuktian	Perbincangan	Kesimpulan
Bahagian 3 (minit 16.41–12.20)  Foto 27 Marakas dijadikan <i>props</i> sahaja	i. Iringan muzik dimainkan semasa tarian dan nyanyian.	i. Muzik merupakan salah satu elemen terpenting dalam boria.
	ii. Iringan muzik seiring dengan pergerakan <i>sailor</i> .	ii. Muzik iringan hendaklah dimainkan sebagai muzik persembahan utama dan sewaktu pergerakan masuk dan keluar <i>sailor</i> .
	iii. Pemuzik tidak kelihatan dalam persembahan tersebut.	iii. Tidak menjadi satu kesalahan jika tiada pemuzik (<i>live band</i>).
	iv. Alatan muzik tidak ditonjolkan atau dimainkan semasa persembahan kecuali marakas.	iv. Marakas yang ditonjolkan hanya dijadikan <i>props</i> .

Iringan muzik menjadi nadi kepada boria untuk menghidupkan suasana semasa segmen tarian dan nyanyian (minit 16.41). Lagu boria hendaklah mengandungi muzik iringan sewaktu pergerakan masuk *sailor*, sebagai muzik persembahan utama dan pergerakan keluar *sailo*. Akan tetapi, proses itu tidak ditunjukkan dalam tayangan persembahan tersebut. Selain itu, pemuzik juga tidak ditunjukkan sebagai contoh kepada penonton. Hal ini menyebabkan untuk membawa irama yang indah dan juga dapat mengiringi nyanyian tukang karang. Justeru, antara alat muzik yang sering digunakan ialah violin, gambus, marwas,

tabla, simbal, gendang, akordion, harmonika dan sebagainya. Seandainya lebih banyak alat muzik yang dapat digunakan, semakin baiklah persembahan tersebut. Walaupun dalam tayangan animasi ini tidak menggambarkan pemuzik dan alatannya, akan tetapi persembahan itu masih berjaya kerana menggunakan bantuan alat muzik iaitu MP3. Justeru, perubahan yang dilakukan menggunakan teknologi masa kini tidak memberi kesan kepada kualiti persembahan boria.

Berdasarkan kesemua elemen boria yang telah dibincangkan, pengkaji mendapati banyak persamaan elemen boria Upin & Ipin episod Boria Suka-Suka dengan elemen boria sebenar. Namun, beberapa kesilapan dapat dikenal pasti melalui tertib dalam elemen-elemen boria seperti langkah masuk dan keluar dilakukan oleh tukang karang dan *sailor* adalah tertib yang perlu dipatuhi. Selain itu, kekurangan tidak mengandungi muzik iringan sewaktu pergerakan masuk *sailor*, muzik persembahan utama dan pergerakan keluar *sailor*. Bukan itu sahaja, kesilapan cara turutan nyanyian, tukang karang tidak diselang-seli dengan *sailor* pada akhir rangkap. Hal ini demikian kerana nyanyian oleh *sailor* dan tukang karang secara bersama-sama hanya sekali sahaja. Pengkaji mendapati perkataan “suka-suka” berdasarkan tajuk episod ini, iaitu Boria Suka-Suka mungkin menjadi salah satu faktor kepada beberapa kesilapan ini tidak dipandang serius dan diabaikan. Pengkaji berharap penambahbaikan perlu dilakukan agar ada lagi kesilapan sedemikian pada masa akan datang. Langkah ini perlu dibuat kerana Upin & Ipin mempunyai pengikutnya yang ramai berjumlah 12 juta di Facebook dan 8.64 juta di Youtube.

KESIMPULAN

Populariti tayangan animasi ini telah mengangkat kedua-dua watak Upin & Ipin sehingga menjadi Duta Tabung Kanak-kanak Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (UNICEF)⁴ dan Duta Pelancongan Malaysia⁵. Animasi Upin & Ipin juga telah diterima di negara jiran termasuk Indonesia, Brunei, Singapura dan Filipina. Secara tidak langsung, tarikan animasi dalam episod Boria Suka-Suka ini memberikan pengetahuan kepada penonton mengenai boria yang berasal di Pulau Pinang. Oleh hal yang demikian, apresiasi boria dapat disampaikan melalui TV, Youtube dan Facebook mampu menarik masyarakat untuk mengenali boria dan menjadikan boria setaraf dengan persembahan seperti dikir barat dan wayang kulit yang sudah popular dan berada pada tahap yang tersendiri, baik di Malaysia mahupun di luar negara. Akhirnya, kuasa TV, Youtube dan Facebook kepada generasi kini dan akan datang melalui tayangan episod Boria Suka-Suka sebagai contoh dan rujukan untuk menghasilkan persembahan boria dengan penambahbaikan yang baharu agar boria ini lebih kreatif dan menarik.

Selain itu, daripada tarikan Upin & Ipin episod Boria Suka-Suka penonton akan mengenali lima elemen boria iaitu sketsa, tarian, nyanyian, kostum dan muzik. Lima elemen tersebut memainkan peranan penting dalam kejayaan persembahan boria agar konsep boria tidak tersasar untuk dijadikan rujukan dan panduan pada masa akan datang bagi menghasilkan persembahan boria, penulisan ilmiah, kajian baharu, dan sebagainya. Apresiasi boria melalui animasi ini juga menceriaikan lagi persembahan yang dijadikan informasi. Namun, beberapa perkara dalam perbincangan elemen boria oleh pengkaji harus diambil serius. Justeru, penambahbaikan dalam elemen tersebut perlu dibuat perlu dibuat agar struktur boria terus terpelihara. Secara tidak langsung, kefahaman dalam mewujudkan apresiasi boria melalui episod animasi ini dalam kalangan penonton akan dihayati dan disukai, malah dapat mempengaruhi orang lain untuk turut serta. Seterusnya, ia memudahkan kita memahami persembahan boria dan menikmatinya dengan lebih bermakna dan berkesan.

PENGHARGAAN

Penulisan artikel ini merupakan sebahagian daripada hasil penyelidikan melalui geran penyelidikan Jangka Pendek Universiti Sains Malaysia (*short term grant*), 304/PSENI/6315368.

NOTA

- ¹ Penari dan penyanyi latar kat belakang tukang karang yang dipanggil Sailor, Adi Putra. (2017). Boria berasal daripada Peristiwa Syiah? 4 Asal-Usul Budaya Seni Malaysia yang Menarik!
- ² Radio Televisyen Malaysia (RTM) ialah stesen penyiaran awam milik Kerajaan Malaysia yang memiliki dan mengendalikan beberapa saluran radio dan saluran televisyen. Dilayari daripada <https://www.rtm.gov.my> pada 19 Mac 2020.
- ³ Perkembangan atau pertumbuhan secara beransur-ansur. Evolusi berkembang secara beransur-ansur dan perlahan-lahan, *Kamus Pelajar Edisi Kedua*.
- ⁴ UNICEF National Ambassadors for Malaysia telah menjadikan Upin dan Ipin sebagai duta mereka dengan membawa mesej ‘lelaki sejati tidak membuli, memukul atau menganiaya perempuan’. Dilayari daripada https://www.unicef.org/people/malaysia_68122.html pada 8 April 2020.
- ⁵ Kementerian Pelancongan Malaysia (MOTAC) mengumumkan pelantikan Upin Ipin sebagai Duta Pelancongan Malaysia. Dilayari daripada <https://www.hmetro.com.my/santai/2017/08/250121/upin-ipin-duta-pelancongan-malaysia> pada 8 April 2020.

RUJUKAN

- Abdul Rahman Hanafiah. (1995). *Drama Melayu moden*. Selangor: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Azuna Vion Harnadi. (2017). Analisis konten serial film animasi Upin dan Ipin Musim 8 ditinjau dari prinsip desain pesan pembelajaran. *E-Jurnal Prodi Teknologi Pendidikan*, 6 (4).
- Che Samsudin Othman. (2015). *Pendidikan seni kreatif dan apresiasi seni-budaya*. Kuala Lumpur: The Malaysian Insider.
- Effendy, Onong Uchjana. (2005). *Ilmu komunikasi, teori dan praktek*. Bandung: PT. Remaja Rosdakarya.
- Eriyanto. (2011). *Analisis isi: Pengantar metodologi untuk penelitian ilmu, komunikasi dan ilmu-ilmu sosial lainnya*. Jakarta: Kencana Prenada Media Group.
- Facebook. (2013, December 28). Iklan poster Boria Suka-Suka Upin & Ipin. Diakses daripada <https://www.facebook.com/upinipinofficial> pada 5/4/2020.
- Fariza, M., S., & Muhammad, F., A. (2010). *Media sebagai tarikan psikologi dalam dakwah*. Kertas kerja Muzakarah Ulama' dan Cendekiawan Islam. Perak: Pejabat SUK Negeri Perak.
- Ira Anggraeni, Tesa Apriani & Aditya Permana. (2018). Pengaruh tayangan Upin dan Ipin terhadap gaya berbahasa siswa sekolah dasar. *Jurnal Semantik*, 7, (2).
- Jibrán dipetik daripada Kalsom Rahmathulah. (2015, Oktober 28). *Boria dapat perhatian kembara Bahasa*. Berita Harian Online. <https://www.bharian.com.my/node/92426>. Dicapai pada 6/4/2020.
- Kamus Dewan Edisi Keempat*. (2014). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Krippendorff, K. (2013). *Content analysis: An introduction to its methodology* (3rd ed). California. CA: Sage Publications.
- M. Endy Saputro. (2011). Upin & Ipin: Melayu Islam, Politik Kultur dan Dekomodifikasi New Media. *Kontekstualita*, 26, (1), 39–69.
- Mahani Musa. (2003). Boria Muharam: Antara kreativiti dan realiti masyarakat Melayu Pulau Pinang abad ke-19 dan ke-20. *Wacana Seni Journal of Arts Discourse*, 2.
- Mahd. Ishak Abd. Aziz. (1979). *Sejarah Boria*. Kuala Lumpur: Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan Malaysia.
- Mohamed Ghouse Nasuruddin. (2000). *Teater tradisional Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohammad Monib & Islah Bahrawi. (2011). *Islam dan hak asasi manusia dalam pandangan Nurcholish Madjid*. Jakarta: Penerbit PT Gramedia Pustaka Utama.
- Mohd. Noorhadi Yusof & Zurinah Tahir. (2017). Kepentingan penggunaan media sosial teknologi maklumat dalam pendidikan IPTA. *Journal of Sciences and Humanities*, 12, (3).
- Muhamad Ferdhaus Sazali, Masitah Muhibudin & Badaruddin Mohamed. (2014). Warisan kebudayaan boria dan pelancongan. *Merekayasa Kearifan Tempatan Citra Seni dalam Teknologi*. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Muhammad Haji Salleh. (2014). *Ghairah dunia dalam empat baris*. Selangor: Penerbit PTS Akademia.
- Munadi, Y. (2012). *Media pembelajaran: Sebuah pendekatan baru*. Jakarta: Gaung Persada Press.

- Omara dipetik daripada Siti Haliza Yusop (2015, Julai 22). Boria mengkritik sambil menghibur. *Berita Harian Online*. <https://www.bharian.com.my/node/69352>.
- Omara Hashim. (2010). Diakses daripada <http://warisanboria.blogspot.com/2010/07/sejarah-boria.html>. Dicapai pada 7/4/2020.
- Rahmah Bujang. (1987). *Boria: A form of Malay theatre*. Singapore: Published by Institute of Southeast Asian Studies.
- Rahmah Bujang. (2007). Fungsi komunikasi dan estetika dalam persembahan teater tradisional wayang kulit. *Jurnal Pengajian Melayu*, _Mid 18, 2007.
- Wan Abdul Kadir. (1988). *Budaya popular dalam masyarakat Melayu Bandara*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Wan Norina, W. H., Zaharah, H., Ahmad, F., Mohamed, Y., & Ahmad Arifin, S. (2013). Pengaruh media massa terhadap penampilan akhlak pelajar Islam Politeknik Malaysia. *The Online Journal of Islamic Education*, 1 (1).
- Wan Syahrul. (2016). *Kenapa promosi seni budaya warisan dipinggirkan?* Diakses daripada <http://www.astroawani.com/berita-malaysia/kenapa-promosi-seni-budaya-warisan-dipinggirkan-127118> dicapai pada 5/4/2020.
- Wazir Jahan Karim. (2009). *Straits Muslims: Diasporas of the northern passage of the Straits of Malacca*. Penang: Straits G.T.
- Youtube. (3 Januari 2014). *Upin & Ipin - Boria Suka-Suka [Sing-Along]*. Diakses daripada Les' Copaque Production. <https://www.Youtube.com> dicapai pada 7/4/2020.
- Youtube. (8 Januari 2017). *Upin & Ipin Musim 7 (2013) Boria Suka-Suka-Full*. AFK TV. <https://www.Youtube.com>. Dicapai pada 7/4/2020.
- Yuki Fujioka. (1999). Television portrayals and African-American stereotypes: Examination of television effects when direct contact is lacking. *Journalism and Mass Communication Quarterly*, 76 (1), 52–75.
- Zainal Abidin Bakar. (1991). *Kumpulan pantun Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.